

# AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ASAS PERPADUAN

Oleh:

**Dr. Muhammad Rashidi bin Wahab**

Ahli Jawatankuasa Haiah Jabatan Mufti Negeri Perak  
&

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Usuluddin  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui perantaraan malaikat Jibrail AS kepada Rasulullah SAW merangkumi tiga bahagian utama iaitu akidah, syariah dan akhlak (rujuk hadis riwayat Muslim). Daripada ketiga-tiga perkara tersebut, akidah berkaitan Rukun Iman merupakan tunjang atau dasar dalam pembinaan agama Islam. Perkara ini bertepatan dengan tujuan diutuskan para rasul antaranya adalah untuk menyeru manusia supaya beribadat menyembah Allah SWT dan mentauhidkan-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 25:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا آنَا فَاعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahwasanya tidak ada Tuhan (yang hak) melainkan Aku, maka sembahlah olehmu sekalian akan Aku.

Akidah bermaksud kepercayaan yang kuat dan kukuh terhadap sesuatu. Secara terperincinya, akidah ialah berpegang teguh dan membenarkan di dalam hati dengan keyakinan yang pasti, tanpa bercampur dengan sebarang keraguan, sehingga jiwa menjadi tenang di atas kepercayaan tersebut. Dalam konteks lebih khusus, akidah melibatkan persoalan keimanan terhadap konsep ketuhanan (Allah SWT), kenabian dan perkara ghaib yang diputuskan oleh agama Islam berdasarkan dalil diyakini. Keimanan inilah yang membezakan seseorang itu sama ada mereka tergolong sebagai Muslim mahupun kafir. Disebabkan itu, akidah merupakan perihal terpenting dalam Islam sebagaimana ungkapan yang masyhur “awal agama mengenal Allah”, maka mempelajarinya adalah fardu ain ke atas setiap *mukallaf*.

Berdasarkan kepentingan tersebut, akidah bukan sahaja menjadi dasar kepada syariah dan akhlak (tasawuf), malah ia juga merupakan asas bagi semua perkara dalam kehidupan umat Islam. Salah satu perkara yang sangat ditekankan oleh Allah SWT adalah berkaitan dengan perpaduan atau bersatu-padu, iaitu dengan menghindari perpecahan dan permusuhan sesama umat Islam yang beriman. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 103:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ  
أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا  
حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيَّتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تَهَدُونَ

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyyah), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam).”

Begini juga ayat al-Quran lain dalam surah al-Syura ayat 13:

\* شَرَعَ لَكُمْ مِّنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالذِّي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ  
وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرُّ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ  
إِلَيْهِ اللَّهُ يَحْتَبِطُ إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ

Maksudnya: “Diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang telah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) dan apa yang telah Kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa iaitu tegakkanlah agama (keimanan dan ketakwaan) dan janganlah kamu berpecah belah di dalamnya.”

Jika diperhatikan dengan teliti, perintah agar umat Islam jangan berpecah-belah dalam kedua-dua ayat di atas, didatangkan bersama-sama dengan perintah berpegang teguh dengan agama Islam (iaitu keimanan) terlebih dahulu. Justeru, ia dapat difahami bahawa akidah yang benar dan mantap merupakan asas dan perkara pertama yang perlu dipatuhi oleh umat Islam bagi mencapai tujuan perpaduan. Dalam ertikata lain, perpaduan tidak dapat diperolehi tanpa ikatan akidah.

Jika ditelusuri sirah Nabi Muhammad SAW, dakwah pertama baginda di Makkah adalah tertumpu kepada persoalan akidah. Kekuatan akidah yang disemai oleh baginda telah berjaya membina kesamaan fikrah dan kesatuan hati umat Islam. Perpaduan ini menjadi lebih melebar apabila baginda berhijrah ke Madinah. Baginda bertindak mempersaudarkan antara kaum Muhajirin dan Ansar. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 74:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَأْوَا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقَّا لَهُم مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَيْرِيمٌ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dan orang-orang (Ansar) yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin), merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan rezeki (limpah kurnia) yang mulia.”

Baginda juga bertindak mempersaudarkan kaum Aus dan Khazraj di Madinah yang sekian lama bermusuhan, sekaligus menghindari daripada ancaman dan gangguan Yahudi. Firman Allah SWT dalam surah al -Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beroleh rahmat.”

Ringkasnya, kejayaan Rasulullah SAW membina perpaduan umat Islam adalah berpusat kepada kesatuan akidah umat Islam. Dengan nikmat perpaduan tersebut, umat Islam dapat berjaya membina negara Islam di Madinah, memperkuatkan pertahanan dan memelihara keselamatan rakyat, memperluaskan dakwah Islam, mematahkan ancaman daripada musuh-musuh Islam dan lain-lain.

Setelah berlalunya zaman Rasulullah SAW dan para sahabat, berlaku fitnah dalam kalangan umat Islam sehingga mereka berpecah kepada beberapa kelompok atau kumpulan. Bagi menangani perpecahan ini yang pada awalnya disebabkan oleh isu politik dan kemudian merebak kepada akidah, para ulama telah menonjolkan istilah Ahli Sunnah wal Jama‘ah (ASWJ) sebagai mewakili ajaran Islam sebenar yang dianuti oleh majoriti umat Islam pada ketika itu, pada masa sama bertujuan membezakan dengan pelbagai aliran atau fahaman menyeleweng yang lain. Secara umumnya, ASWJ ialah kumpulan umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah SAW (serta para sahabat) dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi akidah, syariah dan akhlak (tasawuf).

Antara tokoh ulama silam yang terkenal dalam membawa gagasan ASWJ ialah Imam Abu al-Hasan al-Ash‘ari (m. 330H) selaku pengasas Asha‘irah dan Imam Abu Mansur al-Maturidi (m. 333H) selaku pengasas Maturidiyyah. Kegigihan mereka memperjuangkan akidah ASWJ menyebabkan pengaruh pelbagai aliran menyeleweng seperti Mu‘tazilah dapat dibendung dengan berkesan. Apa yang pasti, kedua-dua imam ini bukan sahaja berjaya mempertahankan akidah Islam yang sebenar dan meninggalkan limpahan khazanah ilmu yang sangat bermanfaat, malah sumbangan mereka secara tidak langsung turut mengurangkan fitnah dan perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam. Majoriti umat Islam kembali berpegang dengan aliran muktabar ASWJ yang bersifat *wasatiyyah*.

Dalam konteks di Nusantara khususnya Malaysia, memetik tulisan Abdul Shukor Husin (Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr.) iaitu mantan Pengurus Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan MKI dalam bukunya Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula menyatakan:

*"Majoriti umat Islam di Malaysia malah di rantau ini telah berabad-abad lamanya menerima dan mengamalkan Islam berasaskan pendekatan aliran Ahli Sunah Waljamaah hingga menjadi begitu dominan dan berwibawa. Hakikat ini telah menjadikan Malaysia malah rantau ini paling seragam dan istikrar dalam pegangan akidah, amalan syariah dan sistem nilai (akhlak) berbanding dengan masyarakat Islam di rantau lain. Keadaan ini secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan susunan siasah, masyarakat dan perpaduan ummah. Pendekatan Ahli Sunah yang sebatи dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam aspek akidah dan kepercayaan ialah fahaman dan aliran Asyairah dan Maturidiah."*

Berdasarkan kenyataan di atas, difahami bahawa majoriti umat Islam di Malaysia adalah berpegang dengan akidah ASWJ terutamanya aliran Asha'irah. Pegangan tersebut telah berjaya membentuk dan menghasilkan kehidupan masyarakat yang harmoni, tersusun dan bersatu-padu. Disebabkan itu, sekalipun Perlembagaan Persekutuan hanya menyebutkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan (Perkara 3(1), namun kedudukan ASWJ dinyatakan dengan jelas pada Undang-Undang Tubuh Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebagai mazhab rasmi negeri masing-masing. Mengambil contoh Undang-Undang Tubuh Kelantan, menyatakan:

*"Ahlus Sunnah wal Jamaah maknanya ialah mazhab Abu Al-Hassan Al-Asha'ri dan Abu Mansoor Al-Maturidi dan orang yang mengikut jejak langkah keduanya."*

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini kelihatan perpaduan dalam kalangan umat Islam di Malaysia semakin terhakis. Pemerhatian menunjukkan bahawa perkara berkaitan agama dan politik merupakan faktor atau penyumbang utama kepada perpecahan tersebut. Menyentuh sedikit perihal perpecahan disebabkan politik, parti yang sepatutnya sekadar menjadi alat bagi demokrasi dalam memilih pemimpin telah bertukar menjadi medan permusuhan dan kebencian sesama umat Islam. Setiap kumpulan hanya memikirkan bagaimana untuk memperolehi kekuasaan walau dengan apa cara sekalipun. Jika keadaan ini berterusan, mereka sebenarnya terperangkap dengan agenda demokrasi liberal acuan Barat sehingga tanpa sedar meletakkan kemaslahatan dan perpaduan umat Islam sebagai sampingan dan slogan semata-mata.

Apa yang pasti, Islam melarang umatnya daripada menggunakan semua sikap buruk tersebut malah memerintah supaya berkasih-sayang sesama Muslim. Hadis dari Abu Musa al-Asyraari RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُيُّانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّاكَ أَصَابِعُهُ.

Maksudnya: “Seorang mukmin bagi mukmin yang lain ibarat satu bangunan yang saling menguatkan antara satu dengan yang lainnya. Kemudian Rasulullah SAW menggenggam jari-jemarinya.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Juga hadis daripada dari Anas bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: “Tidaklah sempurna iman seseorang dari kalian, sehingga dia mencintai saudaranya (sesama Islam) sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”

(Riwayat al-Bukhari).

Kedua-dua hadis di atas jelas menuntut setiap Mukmin atau orang beriman (berakidah benar) untuk berkasih-sayang sesama Muslim. Ini kerana, dengan kasih-sayang tersebut akan melahirkan perpaduan dan kesatuan.

Namun apa yang ingin difokuskan di sini adalah berkaitan perpecahan disebabkan faktor agama. Dalam hal ini, kemunculan pelbagai aliran dan ajaran yang sesat atau menyeleweng dari akidah ASWJ kebelakangan kini telah memberi kesan negatif kepada perpaduan umat Islam di Malaysia. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 bertarikh 21-22 Oktober 2014 pernah membincangkan Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia, memutuskan:

*“bahawa dari segi perundangan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah mazhab rasmi negara Malaysia dan aliran Syiah serta Salafi-Wahabi pada masa kini sedang memberi ancaman serius kepada survival Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kedua-dua aliran pemikiran ini boleh mendatangkan perbalahan dan perpecahan kepada masyarakat Islam di Malaysia.”*

Bagi membendung penyebaran fahaman Syiah dan Wahabi dalam masyarakat, beberapa negeri telah mengeluarkan fatwa untuk menjelaskan kepincangan kedua-dua aliran tersebut. Contohnya Perak sendiri, pada tahun 2012 telah memfatwakan mengenai Syiah dan Wahabi sebagai bercanggah dengan akidah ASWJ dan pegangan majoriti umat Islam. Bukan itu sahaja, menurut Dasar Keselamatan Negara, penyebaran fahaman selain dari ASWJ juga boleh memberikan implikasi dari aspek keselamatan negara. Fahaman mereka yang terkeluar dari landasan *wasatiyyah* jika tidak dikawal boleh melahirkan aksi-aksi keganasan sebagaimana yang berlaku di luar negara. Mereka memahami ajaran Islam secara salah dan literal sehingga menjadikan mereka pengandas yang menyalahgunakan nama agama.

Selain aliran Syiah dan Wahabi, terdapat banyak lagi fahaman yang bercanggah dengan akidah ASWJ termasuklah ideologi berbentuk baharu seperti sekularisme, liberalisme, ateisme dan sebagainya lagi. Semua mereka ini telah menyumbang kepada ketidakteraman dan perpecahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang majoritinya berakidah ASWJ. Sebagai rumusannya, langkah strategik perlu dilakukan pada setiap peringkat bagi mengukuhkan pegangan akidah ASWJ seterusnya meminimumkan jumlah mereka yang terpengaruh. Ia penting bagi menjamin kelangsungan ASWJ di Malaysia memandangkan kefahaman dan penghayatan yang mantap terhadap akidah yang benar (ASWJ) diyakini menjadi asas utama kepada pembentukan perpaduan dalam kalangan umat Islam.